



PEKELILING PESURUHJAYA TANAH, NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU BILANGAN 1/1970

*Pemberian Maklumat-maklumat Oleh
Pegawai-pegawai Tanah Dengan Tiada Kebenaran*

Adapun tujuan Pekeliling ini ialah menarik perhatian Pemungut-pemungut Hasil Tanah kepada peruntukan-peruntukan di bawah seksyen 19 Kanun Tanah Negara yang berkehendakkan supaya tiap-tiap Pegawai atau orang yang bekerja di Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftaran memelihara rahsia atas semua perkara yang sampai ke pengetahuannya dalam menyelenggarakan tugas-tugasnya dan tidaklah boleh memberitahu atau menyampaikan apa-apa perkara itu kepada orang yang lain. Dalam seksyen 429 Kanun Tanah Negara, adalah diperuntukkan bahawa, jika seseorang yang melanggar peruntukan seksyen 19 adalah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan denda sebanyak tidak lebih daripada \$1,000/- atau penjara selama tidak lebih dari 6 bulan.

2. Perkara-perkara yang dirujukkan di bawah seksyen 19 Kanun Tanah Negara ialah perkara-perkara bersangkutan kepada berbagai-bagai urusan yang direkodkan dalam fail-fail persuratan (Terbuka atau Sulit), Buku-buku Pendaftaran, rekod-rekod dan pelan-pelan di sesuatu Pejabat Tanah. Sebilangan perkara-perkara yang berkaitan adalah seperti berikut:

- (a) permohonan-permohonan tanah Kerajaan, tanah lombong, Lesen-lesen Menduduki Sementara dan permit-permit;
- (b) permohonan-permohonan menukar syarat nyata, sekatan dan perjenisan tanah;
- (c) permohonan-permohonan pecah sempadan, pecah bahagian dan penyatuan tanah;
- (d) permohonan-permohonan Hakmilik Sementara;
- (e) permohonan-permohonan penyerahan tanah;
- (f) butir-butir bicara di bawah Undang-undang Pengambilan Tanah;
- (g) butir-butir suratcara urusan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pendaftarannya;
- (h) permohonan-permohonan kaveat;
- (i) permohonan-permohonan untuk mendapatkan perintah-perintah pembahagian harta pusaka (Pembahagian Harta Pusaka Kecil);
- (j) bicara yang dijalankan oleh Pemungut-pemungut dan catatan-catatan kenyataan-kenyataan bicara;
- (k) daftar-daftar hakmilik tanah dan pendaftarannya;
- (l) butir-butir yang dicatatkan dari masa ke semasa di atas 'litho sheet' di Pejabat Tanah.

3. Pada masa yang lampau, ada beberapa kejadian, misalnya, penyampaian maklumat-maklumat berkaitan dengan permohonan-permohonan tanah Kerajaan atau lesen carigali atau melombong. Maklumat-maklumat seperti ini sememangnya ada dalam pengetahuan Pegawai yang menjaga fail-fail permohonan tanah dan kemudian akan sampai ke pengetahuan Juruteris Pejabat Tanah dan Pegawai Penempatan. Jika seseorang lain mendapat tahu, misalnya, satu permohonan carigali atas satu kawasan yang tertentu telah diterima, maka ada kemungkinan besar bahawa orang itu akan membuat satu permohonan lain atas kawasan lebih kurang sama dengan permohonan itu. Ini akan mengakibatkan adanya permohonan-permohonan bertindih. Adalah juga benar bahawa akibat-akibat yang tidak diingini akan berlaku jika butir-butir berkenaan sesuatu hakmilik tanah dalam Pejabat Pendaftaran diberi kepada orang-orang yang berkehendakkannya dengan tidak melalui cara yang ditetapkan berhubung dengan penyiasatan bagi mendapatkan maklumat-maklumat itu. Perkara semacam ini akan melibatkan Kerajaan Negeri rugi mendapatkan cukai daripada jumlah bayaran penyiasatan.

4. Ingatan hendaklah diambil oleh seseorang Pegawai atau seseorang yang bekerja di Pejabat Tanah yang ianya bukan sahaja boleh didakwa dalam Mahkamah kerana menyampaikan maklumat-maklumat dengan tiada kebenaran tetapi ianya juga tertakluk kepada tindakan tata tertib di bawah Undang-undang Am (General Orders). Oleh sebab kesalahan di bawah seksyen 19 Kanun Tanah Negara itu adalah satu kesalahan yang berat, perhatian semua Pegawai dalam Pejabat Tanah dan semua orang-orang yang bekerja dalamnya hendaklah dirujuk dalam perenggan 2 Pekeliling ini tidak disampaikan kepada siapa-siapa melainkan dengan kebenaran yang tertentu.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
*Pemangku Pesuruhjaya Tanah,
Negeri-negeri Tanah Melayu*

P.T.TM 106/69(6)

Kuala Lumpur,
4hb Februari 1970